

**Nur Lela Zulkipri  
dan Nurul Hidayah Bahaudin**  
am@metro.com.my

**Kuala Lumpur**

**“M**asih tergi-  
ang-rgiang  
lagi” pesanan  
terakhir suami supaya saya  
jangan banyak menangis ke-  
tika berpantang. Namun  
apakan daya apabila dia per-  
gi buat selama-lamanya  
enam hari selepas saya ber-  
salin,” itu luahan Mas Suni  
Mar Husin yang kehilangan  
suami, Mohd Idrus Ibrahim,  
37, pagi kelmarin.

Dalam kejadian jam 8.46  
pagi, Idrus yang memandu  
kereta Perodua Axia hilang  
kawalan lalu melanggar po-  
kok di kiri bahu jalan di Jalan  
6A/4, Seksyen 16, Bandar  
Baru Bangi, akibat diserang  
sakit jantung.

Difahamkan mangsa yang  
bekerja sebagai pemandu lo-  
ri baru menghantar anak su-  
lungunya, Muhammad Adam  
Arfanhakim, lapan tahun, ke  
sekolah di Bandar Baru Ba-  
ngi.

Menurut Mas Suni yang  
juga orang kurang upaya  
(OKU) cacat penglihatan, dia  
dimaklumkan nahas itu oleh  
orang awam yang berada di  
lokasi kejadian.

“Saya panik dan tidak ta-  
hu apa yang perlu dilakukan  
kerana berada di Bachok,  
Kelantan. Tidak sangka sua-  
mi yang pulang ke Bangi bagi  
menguruskan persekolahan  
anak terbabit dalam kema-  
langan.

“Saya bergegas pulang ke  
Bangi apabila dimaklumkan  
suami meninggal dunia da-  
lam perjalanan ke Hospital  
Kajang bagi mendapatkan  
rawatan,” katanya.

Katanya, tiada perubahan  
sikap ketara pada suaminya  
itu sebelum kejadian namun  
mangsa tidak melengahkan



MAS Suni tiba  
di Unit Kecemasan  
Hospital Kajang.  
Gambar kecil, bayi  
enam hari hilang  
bapa akibat  
kematangan.

# ‘Usah kau banyak menangis’

## ■ **Lelaki tinggal pesan pada isteri dalam pantang mati langgar pokok**

urusan dokumen pengena-  
lan diri (MyKad) anak bong-  
su mereka, Muhammad Fi-  
raz Aufahakim, sehari se-  
lepas dilahirkan.

“Sebelum ini, urusan do-  
kumen pengenalan diri bagi  
dua anak dilakukan seming-  
gu selepas kelahiran. Namun  
arwah seolah-olah tahu  
akan ‘pergi’ dan terus la-  
kukan semua proses itu se-  
baik saya bersalin,” kata-  
nya.

Sementara itu, Ketua Ja-  
batan Siasatan dan Perun-

dangan Trafik (JSPT) Sela-  
ngor Superintendan Kama-  
ludin Mohamad berkata,  
pihaknya menerima pang-  
gilan kecemasan berhu-  
bung kejadian itu jam 8.46  
pagi.

“Siasatan awal mendapati  
kereta Perodua Axia dipan-  
du mangsa hilang kawalan  
lalu melanggar pokok di kiri  
bahu jalan.

“Kematangan itu meny-  
ebabkan mangsa parah se-  
belum disahkan meninggal  
dunia ketika dalam perja-

lanan menuju ke Hospital  
Kajang,” katanya.

Kamaludin berkata, sia-  
satan mendapati kemala-  
ngan berpunca akibat  
jantung menyebabkan dia  
gagal mengawal kenderaan  
sebelum melanggar pokok.

“Kereta mangsa dibawa ke  
balai polis untuk tindakan  
lanjut pihak Puspakom.

“Kes disiasat mengikut  
Seksyen 41 (1) Akta Peng-  
angkutan Jalan (API) 1987,”  
katanya.